

# Kuala Lumpur perlu stadium lebih besar

B.H. 4 MAY 1993

TRA, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata negara tidak mampu menyimpan Stadium Merdeka yang bernilai ratusan juta ringgit, semata-mata kerana ia mahu memperingati satu peristiwa sejarah.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri mengembidas sikap sesetengah orang yang sering memprotes dengan niat mahu menghalang projek kerajaan semata-mata kerana mahu mengekalkan nostalgia atau nilai sejarah.

"Sebagai sebuah negara yang tidak begitu kaya, kita tidak mampu menyimpan sebuah stadium untuk memperingati tempat kemerdekaan negara diisytiharkan," katanya kepada pemberita selepas perasmian Hospital Mitra, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, cadangan kerajaan merobohkan stadium itu bertujuan membolehkannya memungut sedikit wang bagi membina sebuah sta-

dium baru.

Menurutnya, tindakan kerajaan itu bukan semata-mata kerana Sukan Komanwel tetapi disebabkan Kuala Lumpur memerlukan satu stadium baru lebih besar yang terletak di luar pusat bandaraya.

Katanya, jika stadium itu terletak di tengah-tengah negara, ia akan menimbulkan banyak masalah terutama kesesakan lalu lintas.

"Apa yang buat ini adalah untuk kebaikan. Kita juga sedar mengenai nostalgia dan sejarah tetapi kita terpaksa mengambil kira faktor lain," katanya.

Beliau berkata, tindakan pihak tertentu memprotes projek kerajaan akan merugikan negara dan rakyat kerana kelewatan melaksanakan projek berkenaan menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri meminta pihak terbabit ja-

ngan menghalang rancangan kerajaan tanpa alasan yang benar-benar penting.

"Jika kita tidak buat sekarang, satu hari nanti kita kena buat juga. Lebih baik kita buat awal daripada melambat-lambatkan sesuatu projek kerana kos akan terus meningkat dan masalah bertambah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas tindakan sesetengah pihak yang memprotes cadangan merobohkan Stadium Negara dan Stadium Merdeka dipercayai kerana ia menjadi tempat perisytiharan kemerdekaan negara.

Dr Mahathir berkata, tindakan mengekalkan sebuah stadium semata-mata kerana mahu memperingati sesuatu peristiwa adalah terlalu 'mahal' sedangkan masih ada cara lain untuk berbuat demikian.

"Di tempat perisytiharan itu dibuat, kita boleh buat satu tugu peringatan

supaya kita boleh tahu di situ tempat kemerdekaan negara diisytiharkan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, kerajaan memang mendesak dan mengambil tindakan bagi mengurangkan kecuaiian di hospital sebelum pesakit membawa kes sedemikian ke mahkamah untuk mendapatkan saguhati atau pampasan.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan semua pihak bahawa tindakan membawa kes kecuaiian itu ke mahkamah akan menyebabkan kos perubatan meningkat kerana doktor terpaksa mendapatkan insurans untuk mengelakkan dituduh cuai.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri menasihatkan doktor jangan terlalu mementingkan soal bayaran sehingga sanggup meninggalkan perkhidmatannya di hospital kerajaan untuk menyertai sektor swasta.